# Yusof Ismail dilantik sebagai KP MAMPU baharu

By **Editor** - 22/04/2020 202 0

Like 5

Share



*FOTO: Emel.*

**PUTRAJAYA —** Datuk Dr Yusof Ismail dilantik sebagai Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) berkuatkuasa hari ini, demikian diumumkan oleh Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Mohd Zuki Ali.

Yusof, 58, berkhidmat dengan perkhidmatan awam selama 32 tahun dengan jawatan pertama yang disandangnya sebagai Penolong Setiausaha, Bahagian Ekonomi di Kementerian Kewangan pada 12 Jan, 1988.

Mohd Zuki dalam kenyataan hari ini berkata, Yusof berpengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuk kewangan, pelaburan strategik dan ekonomi.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Transformasi dan Pemodenan Pengurusan) MAMPU, serta pernah menjawat jawatan sebagai Setiausaha Bahagian (Bahagian Pelaburan Strategik), Kementerian Kewangan.

"Semoga dengan pelantikan ini, kecekapan dan keberkesanan MAMPU melaksanakan transformasi kerajaan digital ke arah penawaran perkhidmatan yang berpaksikan rakyat diperkasakan," kata Mohd Zuki.

Yusof menggantikan Datuk Dr Mazlan Yusoff yang telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi berkuatkuasa pada 23 Mac lepas.

— ***BERNAMA***

TERKINI All Berita/News More

105 kes baru Covid-19, 0 kematian

UNHCR: Kami tidak mengeluarkan lesen memandu

Telur ayam tulenlah, bukan plastik!

Kerajaan perlu timbang semula laksana PKPB

Menteri kanan: Polis tetapkan 7-10 Mei jadual pulang bekerja

Rohingya baham 'kita', kaum lain 'gitu' juga, kata Rais Yatim

JPN lapor polis laman sesawang jual MyKad palsu

TRENDING





'Bekas' anggota Parti

PKP bersyarat boleh





'Bekas' anggota Parti Komunis Malaya?

PKP bersyarat boleh sebabkan gelombang jangkitan ke-3, kata pakar kesihatan